

SOALAN LAZIM PROMOSI JOM BUKA AKAUN SSPN

1. **Soalan:**
Apakah itu 'Promosi Jom Buka Akaun SSPN'?

Jawapan:

Promosi Jom Buka Akaun SSPN adalah promosi yang diadakan bagi menggalakkan warganegara Malaysia yang belum mempunyai akaun SSPN untuk membuka akaun SSPN dan menjadikan **SSPN-i** atau **SSPN-i Plus** sebagai produk simpanan pilihan utama.

2. **Soalan:**
Bilakah Tempoh Promosi ini?

Jawapan:

Tempoh Promosi adalah seperti berikut:-

Jenis Promosi	Tempoh Promosi
Cabutan Siri	Siri 1 (1 Julai – 31 Ogos 2020)
	Siri 2 (1 September – 31 Oktober 2020)
	Siri 3 (1 November – 31 Disember 2020)

3. **Soalan:**
Apakah syarat-syarat menyertai promosi ini?

Jawapan:

Syarat-syarat untuk menyertai promosi ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada warganegara Malaysia;
- ii. **Membuka akaun baharu SSPN secara atas talian melalui www.lovespnp.com** atau ejen online PTPTN yang sah **tanpa ada penutupan** mana-mana akaun di bawah pendeposit yang sama dalam Tempoh Promosi;
- iii. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada **bilangan pembukaan akaun baharu** dengan simpanan minimum seperti berikut:

Produk	Simpanan Minimum
SSPN-i	RM30
SSPN-i Plus	RM30 (simpanan + takaful)

- iv. Tiada had untuk bilangan cabutan;
- v. Promosi ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);

4. **Soalan:**
Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat Tempoh Promosi setiap siri cabutan. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

5. **Soalan:**
Jika pendeposit meninggal dunia, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat simpanan.

6. **Soalan:**
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

Jawapan:

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:

Hadiah	Bilangan Pemenang
Siri 1: HUAWEI MediaPad T5	50
Siri 2: HUAWEI MediaPad T5	50
Siri 3: HUAWEI MediaPad T5	50

7. **Soalan:**
Bagaimanakah makluman kepada pemenang hadiah Promosi Jom Buka Akaun SSPN akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Promosi Jom Buka Akaun SSPN**.*

Maklumat dikemas kini pada 01 Julai 2020